

30 JAN 2003

MAHATHIR-AUTO/I

SALAH FAHAM CETUS HARAPAN HARGA KERETA AKAN TURUN, KATA DR MAHATHIR

ALOR GAJAH, 30 Jan (Bernama) -- Salah faham mengenai struktur tarif terhadap kereta-kereta di Malaysia apabila perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) akan dilaksanakan pada 2005, telah menyemarakkan harapan bahawa harga kereta akan turun, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata sebahagiannya adalah salah pihak akhbar kerana telah memberi pandangan yang salah bahawa harga-harga kereta akan turun sama ada mulai tahun ini atau tahun depan mendahului pelaksanaan sektor auto Afta.

Bercakap pada sidang media selepas merasmikan pembukaan kilang pengeluaran automobil ke-20 Honda bernilai RM170 juta di Taman Perindustrian Pegoh HICOM di sini, beliau menjelaskan bahawa di bawah Afta, cukai yang sama rata akan dikenakan bagi kereta-kereta import dan tempatan supaya tiada kelebihan membeli kereta tempatan.

"Tetapi kami akan menyamakannya dengan menaikkan cukai-cukai," kata Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan.

Kilang Honda yang baru itu terletak di kawasan seluas 32 hektar, dibahagikan kepada tiga zon, terdiri daripada kilang utama yang menempatkan aktiviti-aktiviti pemasangan automobil, kilang sambungan halaju malar (CVJ) dan pusat pemeriksaan sebelum penghantaran.

Kilang itu yang merupakan kilang pengeluaran automobil pertama Honda di dalam negara juga mempunyai trek ujiannya sendiri yang dibina berdasarkan kepada standard antarabangsa Honda.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Sumber Manusia Datuk Fong Chan Onn, Ketua Menteri Melaka Datuk Mohd Ali Rustam, dan pengarah perwakilan dan urusan kanan Honda Motor Company Ltd, Katsuro Suzuki.

Lewat tahun lepas, Rafidah mengumumkan bahawa duti eksais akan dikenakan terhadap semua kenderaan mulai 2003 untuk memberi layanan sama rata kepada kenderaan tempatan dan import.

Minggu lepas, beliau mendesak supaya spekulasi mengenai harga kereta pada 2005 dihentikan dan menasihatkan para pembeli kereta agar menunggu pengumuman kerajaan mengenai pengurangan dan pelaksanaan duti atau cukai tempatan yang baru.

Sektor automotif Malaysia sepatutnya diletakkan di bawah Afta pada 2003 tetapi kerajaan telah meminta lanjutan selama dua tahun memandangkan para pelabur industri automotif tempatan yang terjejas teruk dengan krisis kewangan Asia 1997/98, memerlukan lebih masa.

Dr Mahathir melahirkan keyakinan bahawa penangguhan berkenaan mencukupi bagi membolehkan pengeluaran kereta Malaysia memperkukuhkan kedudukan masing-masing untuk bersaing secara adil di pasaran Asean pada 2005. --

Penangguhan berkenaan bertujuan melindungi industri kereta tempatan, yang banyak melabur termasuk dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), katanya.

"Terdapat pro dan kontra. Sekiranya kita membukanya kita akan mempunyai masalah dengan kereta nasional kita. Kita mempunyai kereta kita sendiri dan kereta kita berkos tinggi kerana kita menjalankan R&D kita sendiri," katanya.

Dr Mahathir juga berkata perlindungan sedemikian tidak sepatutnya dianggap pelik memandangkan negara lain juga melindungi sektor automotif mereka.

Perdana Menteri juga diminta mengulas mengenai keputusan Honda untuk

melabur di Malaysia semasa beberapa syarikat utama yang lain beralih ke China berikutan buruhnya yang murah.

Beliau berkata dalam perniagaan, buruh murah bukan satu-satunya faktor penentu apabila syarikat-syarikat membuat keputusan di mana mereka akan menempatkan kemudahan pengeluaran mereka.

"Saya pasti Honda telah menjalankan kajian terperinci dan juga telah mengambil kira kepentingan pasaran Asean walaupun ianya tidak sebenar China," katanya.

Kilang Pegoh Honda, yang mempunyai kapasiti pengeluaran permulaan sebanyak 200,000 kenderaan setahun, dijangka menjadi titik tumpu penting bagi Honda di pasaran Asean.

Mengenai isu lain, Dr Mahathir berkata kerajaan kini sedang mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat kereta utama yang lain yang telah menunjukkan minat (untuk melabur) di industri automotif Malaysia.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut. -- BERNAMA

WNZ MAD FR NHD